



# TERMA & SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada murid-murid sekolah rendah (Tahun 4 dan Tahun 5) dan murid-murid sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5) yang telah dikenalpasti oleh pihak sekolah.
2. Setiap peserta perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga untuk menyertai acara ini.
3. Setiap peserta dengan bantuan ibubapa/penjaga perlu melengkapkan senarai semak keselamatan
4. Setiap peserta perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga dan diserahkan kepada guru di sekolah masing-masing
5. Setiap peserta perlu mempunyai akaun gmail bagi tujuan pendaftaran dan penghantaran bukti menamatkan larian.
6. Peserta perlu berlari/berjalan di kawasan kediaman masing-masing atau menggunakan *threadmill*.
7. Setiap peserta perlu berlari/berjalan dengan ditemani oleh ibubapa/keluarga/atau individu yang diberi kebenaran oleh ibubapa/penjaga.
8. Peserta perlu melengkapkan jarak larian pada bila-bila masa dalam tempoh 27 Mac 2021 hingga 10 Jun 2021 dan mengemukakan bukti dalam tempoh tersebut.
9. Peserta harus melengkapkan larian yang dibuktikan melalui tangkapan skrin penggunaan aplikasi larian (mengandungi maklumat jarak larian dan masa).
10. Peserta bersetuju untuk tidak mengenakan sebarang royalti terhadap penggunaan nama, keputusan, imej, gambar, video atau komen dalam penerbitan dan pemasaran berkaitan dengan acara yang dianjurkan.

11. Peserta bersetuju bahawa penyertaan kepada acara ini adalah atas risiko sendiri. Peserta juga faham bahawa penyertaan ini mungkin melibatkan risiko kecederaan.
12. Peserta faham bahawa larian adalah dalam bentuk virtual (maya). Justeru, pihak penganjur tidak menyediakan pemantauan secara terus semasa larian. Pihak penganjur juga tidak menyediakan sukarelawan atau paramedik kepada mana-mana peserta.
13. Peserta mengaku berada dalam keadaan sihat dan berupaya melengkapkan jarak minimum yang ditetapkan. Peserta juga mengaku bahawa tidak mempunyai sebarang penyakit, kondisi atau komplikasi kesihatan yang mungkin menghalang daripada menyertai atau melengkapkan acara ini.

*Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kecederaan atau kemudaratan semasa larian berlangsung. Sebarang insiden yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada harta benda, kesihatan dan nyawa adalah risiko dan tanggungjawab peserta sendiri.*